

Pembangunan mesti ikut peraturan alam

B.H 19/01/07 M.S10

Oleh Azlinda Abidin

SETIAP kali bencana alam melanda dunia, manusia mencari punca berlaku kejadian itu. Walau apapun sebabnya, ia berbalik semula kepada manusia mengendalikan dunia ini. Baik atau buruk sesuatu itu bermula daripada tangan manusia sendiri. Jika kesedaran asas dipupuk sejak awal, manusia lebih berhati-hati dalam mengendalikan isu berkaitan alam sekitar kerana ia bersangkutan paut dengan kehidupan manusia.

Pada dasarnya, pemanasan global, banjir, pencemaran dan sebagainya adalah satu natijah jangka panjang akibat perbuatan manusia yang tidak mempedulikan alam sekitar, walaupun selama ini alam sekitar yang menyumbang nadi kepada kehidupan sejagat.

Manusia memerlukan udara, air, makanan dan tempat tinggal bersih dan sempurna untuk meneruskan kelangsungan hidupnya, tetapi adakah cukup dengan sekadar meminta tanpa sebarang usaha untuk mendapatkannya.

Rakyat perlu meningkatkan kesedaran penjagaan alam sekitar dari peringkat akar umbi bermula peringkat anak kecil sehinggalah kepada golongan warga emas

supaya kempen penjagaan alam sekitar akan memberi kesan mendalam dalam jangka masa panjang dan ia akan berterusan daripada generasi ke generasi.

Program khusus mengenai penjagaan alam sekitar perlulah diwujudkan dan direkabentuk dengan bantuan pakar digabungkan buah fikirannya daripada seluruh pelusuk tanah air bagi membentuk satu pasukan ampuh dan mampu membuah idea ilmiah bermutu, berkualiti dan mempunyai darjah keboleharapan yang tinggi dalam membantu menjaga alam sekitar yang semakin nazak.

Jika tidak ada negara mempedulikan untuk mengaktifkan program seperti rupa, maka biarlah kita melakukan pada peringkat negara kita dengan harapan ia diikuti negara lain sedikit demi sedikit sehinggalah ke semua negara di dunia ini sedar akan keperluan program penjagaan alam sekitar ini.

Sikap mementingkan diri sendiri dan ingin menjaga kepentingan individu haruslah dikikis apabila kita berdepan dengan masalah penjagaan alam sekitar. Tiada gunanya menyatakan kekesalan apabila dunia sudah teruk tercemar dari segala segi dan manusia sudah tidak mampu untuk hidup di dalamnya lagi.

Tidak usah bermimpi meneroka planet Marikh dan memulakan kehidupan baru di sana kerana jika Bumi tidak mampu dijaga kenapa planet Marikh pula hendak dirosakkan? Bermimpi di siang hari adalah sesuatu perlu dielakkan dan rendah martabatnya.

Pencemaran air, pemanasan global, masalah banjir dan sebagainya mempunyai kaitan amat rapat antara satu sama lain. Sebagai contohnya, jika kita tidak menguruskan air yang berada di sekeliling kita dengan baik dan teratur, ia mampu memusnahkan kehidupan di sekelilingnya tanpa belas ehsan sedikitpun. Jangan disalahkan air atau sistem pengurusan kerana masalah itu tetapi tanyalah diri kita sendiri.

Kenapa masalah banjir, pemanasan global dan pencemaran terjadi? Paras air laut meningkat disebabkan pemanasan global. Paras air laut meningkat dan pertembungan antara air laut dengan air sungai di muara dalam keadaan isi padu air dalam tanah dan permukaan yang tepu menyebabkan tekanan berbalik yang kuat oleh air laut yang mengakibatkan arah aliran air sungai menjadi songsang dan melimpah ke tebing yang menyebabkan punca kebanjiran air ke dataran di sekitarnya.

Isu pertembungan aliran air laut dan sungai mestilah dikaji dengan teliti dan mendalam dan satu penyelesaian jitu diperlukan supaya masalah banjir dapat diselesaikan cepat dan berkesan tanpa mengganggu kehidupan harian rakyat.

Penambakan tanah laut tidak terkawal di kawasan sekitaran laut dan muara sungai satu penyebab kenapa kawasan lembangan rendah dan berdekatan dengan laut mengalami banjir yang serius.

Mengenai penebatan banjir di kawasan sekitaran sungai dengan menggunakan tasik dan lombong sedia ada satu kaedah alternatif yang boleh difikirkan dan dilaksanakan berbanding dengan kaedah pengawalan empangan di hulu sungai.

Pemanasan global adalah disebabkan kandungan gas karbon monoksida meningkat di ruang bumi mengakibatkan kesan rumah hijau yang serius. Ais di kutub Utara dan Selatan semakin hari semakin mencair yang menjadi punca kepada kenaikan paras air laut dunia.

Tumbuh-tumbuhan semakin menghilang atas dasar pembangunan masa depan juga sudah tidak mampu membekalkan oksigen dikehendaki kehidupan dan tumbuhan juga sudah tidak mampu menyerap karbon monoksida yang meningkatkan la-

Banjir tidak jejas kempen Tahun Melawat Malaysia 2007



karbon monoksida yang meningkatkan lagi kesan rumah hijau.

Manusia semakin tinggi ilmu pengetahuannya, tetapi seolah-olah bertambah buntu dan hilang pertimbangan akal fikiran apabila berdepan dengan masalah alam sekitar. Ke mana perginya ilmu berkenaan kesejahteraan manusia sejagat dan pemuliharaan alam sekitar:

Tidak perlulah merancang sesuatu membawa lebih banyak kemusnahan daripada kebaikan. Isu pembinaan empangan, pemotongan gunung dan bukit, penutupan laluan sungai, pemusnahan kawasan hijau hanya atas dasar pembangunan perlulah dilakukan dengan kaedah lebih mesra alam.

Dalam apa pun perancangan dilakukan alam sekitar dan keselamatan manusia sejagat perlu dijadikan perkara utama untuk difikirkan sebelum perkara lain dibincangkan. Pembangunan mestilah mengikut peraturan alam sekitar dan bukannya alam sekitar yang mengikut peraturan pembangunan.

Seharusnya menarik nafas panjang, berhenti, berfikir sejenak dan bergerak ke depan untuk menyelesaikan masalah alam sekitar yang semakin serius. Bermula daripada sesuatu yang mempunyai niat baik akan berakhir dengan hasil yang baik. Jika tidak kita melakukannya untuk alam sekitar, Tuhan yang melakukannya untuk kita sama ada membawa kebaikan atau pun kemusnahan. Tepuk dada tanyalah selera.

Banjir di Johor satu tragedi, pengajaran dan satu titik tolak kepada kita untuk mempelajari sesuatu yang amat berharga. Semoga kita sentiasa peka dengan petunjak diberikannya.